



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### PERUNTUKAN BAGI MITI DAN AGENSI AKAN MEMPERCEPATKAN PEMULIHAN EKONOMI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

---

Belanjawan 2021: Teguh Kita, Menang Bersama adalah merupakan belanjawan yang cukup prihatin, inklusif, responsif dan mampan. Ini mencerminkan belanjawan yang amat bertanggung-jawab yang telah mengambil kira setiap keperluan rakyat negara ini di pelbagai peringkat. MITI turut mengalu-alukan belanjawan 2021 sebagai belanjawan yang terbesar dalam sejarah.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyambut baik peruntukan sejumlah **RM1.206 billion** untuk tahun 2021 dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM582.34 juta dan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM623.89 juta. Peruntukan ini akan dapat membantu MITI dan agensi-agensi di bawah MITI untuk melaksana dan menjayakan strategi-strategi dan program-program di dalam sektor perdagangan, pelaburan dan industri yang telah dirancang bagi tahun 2021. Pelaksanaan program-program di bawah MITI juga menyokong pembangunan ekosistem ekonomi dan turut mempercepatkan pemulihan ekonomi negara yang secara langsung akan meningkatkan aktiviti perniagaan dan industri, potensi pelaburan asing dan domestik serta melindungi dan menjana pekerjaan baharu khususnya bagi rakyat tempatan.

Belanjawan bagi program-program khusus di bawah MITI yang diumumkan adalah seperti berikut:

- i. **Dana Strategik RM1 billion** sebagai pakej galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi yang di antaranya untuk sektor aeroangkasa, elektrik & elektronik, mesin & peralatan, peranti perubatan, perkapalan dan beberapa lagi.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- ii. **RM100 juta untuk menyelenggara kawasan perindustrian.** MITI akan memastikan prasarana yang mencukupi bagi meningkatkan ekosistem kawasan perindustrian bagi menarik pelaburan dan syarikat asing ke dalam negara.
- iii. **RM45 juta bagi menyelesaikan isu pembekalan air** yang menjejaskan sektor perindustrian di zon perindustrian Gebeng (Pinjaman daripada MOF kepada negeri Pahang).
- iv. **Skim Transformasi Pendigitalan Industri** bernilai **RM1 bilion** bertujuan untuk merencanakan aktiviti pendigitalan oleh pihak industri.
- v. Dana tambahan berjumlah **RM150 juta** di bawah **Skim Geran Pendigitalan SME** dan **Geran Automasi**.
- vi. Pelonggaran syarat galakan **cukai untuk Hab Prinsipal** dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
- vii. Penurunan kadar cukai bagi penubuhan **Global Trading Centre** kepada kadar konsesi 10 peratus bagi tempoh 5 tahun dan boleh diperbaharui bagi tempoh 5 tahun lagi.
- viii. Platform Jananiaga dengan peruntukan RM300 juta untuk membantu kewangan PKS yang berurusan dalam pembekalan kepada Kerajaan atau GLC.
- ix. **Lanjutan layanan kadar cukai pendapatan istimewa** pada kadar rata 15 peratus untuk tempoh 5 tahun kepada individu bukan warganegara yang memegang jawatan utama bagi pelaburan baharu strategik oleh syarikat yang memindahkan operasi ke Malaysia.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- x. **Galakan Cukai Istimewa** kepada syarikat di sektor perkilangan yang ingin memindahkan perniagaan mereka ke Malaysia di mana galakan cukai diperluaskan kepada sektor perkhidmatan terpilih.
- xi. Kemudahan **Authorised Economic Operator atau AEO** di peringkat nasional bertujuan mempermudah proses akreditasi AEO dan diperluas kepada pembekal perkhidmatan logistik dan operator gudang yang bertindak bagi pihak-pihak yang diluluskan AEO.
- xii. Sejumlah **RM35 juta** bagi **Misi Perdagangan dan Pelaburan** pada tahun 2021.

Peruntukan tersebut adalah amat bertepatan dengan peranan utama MITI dalam membantu Kerajaan memacu sektor ekonomi Negara menerusi pembangunan industri, pelaburan dan perdagangan. Peruntukan ini sekaligus akan menyokong dan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara dan pengukuhan daya saing industri khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi kelangsungan pekerjaan bagi rakyat.

Peruntukan ini juga selari dengan inisiatif-inisiatif MITI dan 13 agensi-agensi di bawahnya dalam membantu pihak industri mendepani cabaran-cabaran yang telah menjejaskan prestasi perniagaan mereka secara drastik. Selain daripada itu, dalam proses pemulihan perniagaan, pihak industri berkaitan akan dapat mengoptimumkan aplikasi teknologi Industri 4.0 dalam norma baharu.

Menerusi sesi-sesi libat urus yang telah dilaksanakan oleh MITI bersama persatuan perdagangan dan industri, badan-badan profesional serta pihak industri, dapat disimpulkan bahawa cabaran utama yang mereka hadapi adalah dari segi kekangan dalam aliran tunai, kawalan pergerakan pekerja dan gangguan rantai bekalan. Justeru, peruntukan yang diberikan kepada MITI ini akan dapat dimanfaatkan dalam membantu meringankan beban-beban perniagaan pemain industri.



**KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Disebabkan cabaran impak ekonomi global, Malaysia telah mencatatkan pelaburan asing bernilai RM19.5 bilion pada pertengahan tahun 2020, berbanding dengan RM52.6 bilion atau pengurangan sebanyak 62.9 peratus, pada tempoh yang sama tahun lepas. Ini adalah selari dengan Laporan *World Investment Report 2020* di mana UNCTAD telah menjangkakan penurunan sebanyak 30 hingga 40 peratus (USD920 bilion hingga USD 1.08 trillion) bagi pelaburan asing global.

Walau bagaimanapun, bagi perdagangan luar Malaysia pula, pada September 2020 jumlah perdagangan negara telah meningkat 5.5 peratus kepada RM155.88 bilion berbanding September 2019. Kenaikan perdagangan telah direkodkan terutamanya dengan China, Hong Kong SAR, Amerika Syarikat (AS), Belanda dan Taiwan. Eksport pulih dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.6 peratus kepada RM88.93 bilion, iaitu nilai eksport yang tertinggi pernah direkodkan bagi bulan September. Import menyusut 3.6 peratus kepada RM66.96 bilion.

Lebih dagangan pada September 2020 melonjak 149.3 peratus tahun ke tahun kepada RM21.97 bilion dan merupakan lebih dagangan tertinggi pernah direkodkan bagi bulan September.

Barisan Hadapan Ekonomi di MITI dan Agensi-agensi, di bawah kepimpinan Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali serta Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Datuk Lim Ban Hong, akan terus melipatgandakan usaha untuk melindungi dan memulihkan ekonomi Malaysia demi kesejahteraan rakyat dan kelangsungan hidup mereka.

**- TAMAT -**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)  
6 NOVEMBER 2020**



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategi MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)